

Menghargai khidmat pengangkutan

APABILA sebut tentang firma SMRT Corporation, apa yang terlintas di minda Cik Iliana Ishak hanyalah khidmat bas dan MRT semata-mata.

Kini, setelah menyertai peraduan ‘Juara Setempat, Pemimpin Global’, pelajar Universiti Nasional Singapura (NUS) itu dapat menghargai bukan sahaja khidmat yang disediakan malah tenaga kerja di sebalik syarikat tersebut dalam memastikan sistem pengangkutan berjalan lancar bagi seluruh negara.

“Sebelum peraduan ini, kami hanya fikir SMRT sebagai penyedia khidmat bas dan kereta api yang kita gunakan setiap hari. Ia sesuatu yang kita ambil ringan,” kongsi Cik Iliana, 21 tahun.

Malah, apabila mendapat tahu pasukannya akan bekerjasama dengan firma itu, beliau menjangkakan proses komunikasi akan lebih mencabar memandangkan ia sebuah firma yang besar.

“Namun, kami disambut mesra dan mereka cepat memberikan respons sekali gus mencer-


minkan asas khidmat mereka,” tambahnya.

Pasukan lima orang itu menjuarai kategori syarikat besar bagi pelajar universiti. Gerai pameran mereka memanfaatkan grafik menarik dan trek kereta api untuk berkongsi perjalanan SMRT sebagai sebuah firma.

Selama empat bulan bekerjasama, pasukannya berpeluang meninjau khidmat bas dan kereta api serta depoh SMRT.

“Kami sedar banyak yang dipertimbangkan dan difikirkan tenaga kerja SMRT demi memastikan semuanya berjalan lancar.

“Daripada butiran kecil demi keselamatan dalam bas dan stesen kepada kerja penyelenggaraan pada tengah malam yang memerlukan banyak pengorbanan daripada pekerja mereka kepada khidmat lain seperti runcit di Citylink Mall serta pengangkutan bagi golongan kurang upaya – firma ini akan memikir daripada perspektif pengguna dan kesejahteraan mereka,” ujar Cik Iliana.



PENGERAK PENGANGKUTAN: Cik Iliana (kanan) kini faham bukan mudah mengendalikan perniagaan pengangkutan. Beliau bergambar bersama teman pasukan, (dari kiri) Encik Chia Yong Qing, Encik Zhang Hongxuan Edmund, Cik Er Sheng Xin Eunice dan Cik Huang Yixin Magdalene.